

**PM pangku jawatan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Utusan Online
08 April, 2012**

TEMERLOH 7 April - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan beliau akan memangku jawatan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat buat sementara waktu berikutan berakhirnya tempoh Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil sebagai Ahli Dewan Negara berkuat kuasa esok.

Menurut Perdana Menteri, beliau bagi pihak kerajaan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas segala sumbangan yang diberikan Shahrizat yang mana pada masa sama beliau akan meneruskan segala program pembangunan untuk wanita seperti yang dilaksanakan sebelum ini.

"Shahrizat juga berjanji kepada saya bahawa beliau akan bekerja kuat sebagai Ketua Pergerakan Wanita UMNO untuk menjamin kemenangan besar Barisan Nasional (BN).

"Justeru, Wanita mesti kekal bersatu, mesti bekerja kuat untuk menjamin kemenangan besar kita, insya-Allah," katanya ketika berucap merasmikan Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA) 1Azam Peringkat Negeri Pahang di Dataran Tok Gajah di sini hari ini.

Shahrizat sebelum ini mengumumkan pengunduran daripada jawatan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebaik sahaja tempoh penggal perkhidmatannya sebagai Ahli Dewan Negara berakhir 8 April ini iaitu esok.

Sementara itu, Shahrizat ketika ditemui *Mingguan Malaysia* menyifatkan pengumuman Perdana Menteri itu sebagai penghargaan yang amat besar kepada bukan hanya pegawai dan kakitangan kementerian tetapi turut meliputi kumpulan sasar kementerian.

"Saya nak ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Perdana Menteri yang akan mengambil alih Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

"Saya sangat gembira kerana doa saya supaya Perdana menteri sendiri ambil alih kementerian ini dimakbulkan Allah," jelasnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0408&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm